



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI SEKOLAH
SCHOOL OPERATIONAL SECTOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4, BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4, BLOCK E2, COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Faks : +603-8889 6680
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj.Kami: KPM.100-1/3/2 JLD 6(97)
Tarikh: 03 Mei 2023

**Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**KEBENARAN KHAS KEPADA MURID, GURU DAN ANGGOTA KUMPULAN
PELAKSANA MEMAKAI PAKAIAN SUKAN SEMASA CUACA PANAS**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa menitikberatkan penjagaan kebajikan, kesihatan dan keselamatan murid, guru dan anggota kumpulan pelaksana semasa menghadapi cuaca panas dan kering berpanjangan yang melanda negara. Fenomena ini merupakan keragaman iklim (climate variability) yang berlaku secara tidak tetap (irregular). Keadaan cuaca panas yang berlaku boleh mencetuskan gelombang haba (heatwave) yang memudaratkan kesihatan seperti hipertermia atau strok haba dan dehidrasi.
3. Sehubungan dengan itu, mengambil kira keadaan semasa cuaca panas dan bagi mengelakkan sebarang komplikasi kepada kesihatan, KPM bersetuju memberi kebenaran khas kepada murid, guru dan anggota kumpulan pelaksana memakai pakaian/baju sukan yang sopan semasa cuaca panas. Kebenaran khas ini tidak membebankan murid dan ibu bapa kerana murid mempunyai pakaian/baju sukan masing-masing.
4. YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan perlu mengingatkan pengetua dan guru besar bawah pentadbiran masing-masing supaya sentiasa memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa supaya tindakan dapat diambil dengan kadar segera bagi menjamin kesihatan murid, guru dan anggota kumpulan pelaksana.
5. Dengan berkuat kuasanya surat makluman ini, maka Surat Kebenaran Khas Kepada Murid, Guru dan Anggota Kumpulan Pelaksana Memakai Pakaian Sukan Semasa Cuaca Panas bernombor rujukan KPM.100-1/3/2 Jld.6 (96) bertarikh 2 Mei 2023 adalah dibatalkan atas sebab teknikal.

...2/-

Ruj.Kami: KPM.100-1/3/2 JLD 6(97)

6. Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan adalah dimohon untuk memaklumkan isi kandungan surat ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Bahagian, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan sekolah bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. NORISAH BINTI SUHAILI)

- s.k.
1. YB Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 2. YB Timbalan Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 4. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 7. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia